

Headline	MJ Fatonah mahu kongsi kejayaan		
Date	09. Jan 2008	Language	MALAY
Media Title	Berita Harian	Page No	9
Section	Nasional	Article Size	760 cm²
Circulation	217991	Frequency	Daily
Readership	762968	Color	Full Color



MJ Fatonah mahu kongsi kejayaan

Syarikat ternakan milik suami isteri laksana konsep pertanian bersepadu, teknik moden

Headline MJ Fatonah mahu kongsi kejayaan
Date 09. Jan 2008
Media Title Berita Harian



USAHAWAN BERJAYA: Mohamad Jamil dan Fatonah memeriksa kambing peliharaan di ladang mereka di Batang Berjuntai, Selangor, baru-baru ini.

ROZANAH ZAKARIA/BERITA HARIAN

Headline

MJ Fatonah mahu kongsi kejayaan

Date

09. Jan 2008

Media Title

Berita Harian

SEPASANG suami isteri sanggup meninggalkan jawatan eksekutif di sektor swasta untuk mengusahakan ladang ternakan lembu dan kambing, kerana minat dan akhirnya muncul antara pengusaha Melayu yang berjaya dengan empat perniagaan semakin berkembang.

MJ Fatonah Enterprise, singkatan nama Mohamad Jamil Mahidin dan Fatonah Arain ditubuhkan awal 2005 dengan modal RM370,900, hasil wang simpanan dan aset sendiri selama 14 tahun bekerja sebagai eksekutif di kilang swasta.

Kini, ternakan lembu dan kambing di kawasan ladang seluas sehktar di Kampung Teluk Penyamun, Batang Berjuntai, Selangor, mampu menjana pulangan memberangsangkan iaitu melebihi RM600,000 setahun hasil jualan ternakan.

Mohamad Jamil berkata, bermula dengan 70 ekor lembu baka kakukan Brahman yang dibeli daripada penternak di sekitar Selangor bagi tujuan 'pengemukkan', beliau kemudian menambah 150 ekor lagi selepas mendapat pinjaman Majlis Amanah Rakyat (Mara) sebanyak RM250,000.

Katanya, sepanjang 2006, sebanyak 220 ekor lembu berjaya dijual iaitu 139 ekor dijual pada musim korban dan selebihnya jualan sepanjang tahun.

"Mulai Ogos 2006, saya memperluaskan aktiviti dengan menternak kambing pelbagai baka. Ternakan kambing dimulakan dengan baka kampung (katjang), iaitu sebanyak 30 ekor bagi tujuan pembibitan.

"Saya juga memperuntukkan RM200,000 masing-masing untuk membeli 150 induk baka kambing dan membina dua kandang dengan kapasiti 700 ekor yang dibina sendiri. Secara keseluruhannya, sekarang sudah ada kira-kira 450 ekor pelbagai baka diternak," katanya.

Baka kambing itu ialah Boer sebanyak 80 ekor; Jamnapari (30 ekor); biri-biri kampung (120 ekor); biri-biri kacukan Australia damper (80 ekor); katjang (40 ekor) dan feral/merino bagi tujuan aqiqah (100 ekor).

Ketika Aidiladha lalu, beliau menerima tempahan 300 ekor lembu untuk majlis korban dan dari semasa ke semasa menerima tempahan kambing bagi tujuan aqiqah.

"Permintaan orang ramai terhadap lembu dan kambing sentiasa tinggi daripada banyak pihak. Jika dilihat daripada industri itu sendiri, ia mempunyai potensi cerah di Malaysia. Pengeluaran hasil ternakan daging berkenaan di negara ini hanya 23 peratus, manakala selebihnya, 77 peratus masih diimport," katanya yang yakin tidak silap langkah menc cubi bidang itu kerana ia membawa pulangan memuaskan.

Berdasarkan pengalaman dan pengetahuan dalam ternakan itu juga dipergunakan sebaik mungkin bagi menambah hasil pendapatan dengan mengusahakan dan membekalkan produk menerusi konsep pertanian bersepadu yang semua diperoleh di sekitar ladangnya.

Semua najis kambing dan lembu itu diproses sebagai baja organik dan dipasar

kepada pusat semaihan dan pembeli runcit. Begitu juga dengan pelepah kelapa sawit yang diperoleh dari ladangnya diproses dan dijadikan makanan ternakannya (napier) dan silaj (berasaskan rumput).

Sejak tahun lalu, semua makanan ternakan dan baja itu dipasarkan di pelbagai tempat. Pelepah sawit dan rumput jenis Napier Taiwan diberi segar kepada ternakan ataupun diproses menjadi silaj. Syarikat MJ Fatonah itu juga membekalkan silaj untuk penternak dengan harga RM10 setong.

Konsep 'Animal Hotel' turut disediakan di ladang berkenaan. Bagi orang ramai terutama usahawan baru boleh menghantar lembu dan kambing untuk dibiakkan dan dipelihara di ladang itu.

"Bayaran dikenakan bagi seekor lembu ialah RM3.50 sehari dan kambing RM1 sehari. Semua ternakan itu dijaga dan dipelihara dengan rapi termasuk dari segi pemakanan dan kesihatannya. Pemilik ternakan itu boleh mencari pembeli atau kami bantu mereka dari segi pasaran dengan syarat tertentu."

"Begitu juga dari segi proses pembibitan ternakan ada syarat tertentu untuk kepentingan kedua-dua pihak. Bagi mereka yang malas untuk membuka ladang ternakan atau usahawan baru yang tidak cukup modal,

“Permintaan orang ramai terhadap lembu dan kambing sentiasa tinggi daripada banyak pihak. Jika dilihat daripada industri itu sendiri, ia mempunyai potensi cerah di Malaysia”

Mohamad Jamil Mahidin
Pengusaha ternakan

boleh menggunakan kaedah itu," katanya.

Selain itu, cabang perniagaan berkaitan, menyediakan pusat latihan penternakan bertempat di ladang itu kepada usahawan baru yang menekankan kepada aspek pemakanan, rawatan, pemasaran dan peralatan serta pembajaan dengan kerjasama Institut Usahawan Bumiputera.

Katanya, sehingga kini, 60 orang dalam pelbagai latar belakang mengikuti latihan di situ dan 60 peratus daripada mereka yang menyertaiinya sudah menjadi usahawan dalam bidang terbabit.

Tiga pakej latihan disediakan, iaitu enam hari lima malam berharga RM1,100 (dari segi teori dan praktikal); tiga hari dua malam RM500 (teori dan praktikal) dan satu hari RM150.

Sementara itu, Fatonah yang turut menjadi tulang belakang kepada perniagaan ini, berkata, idamannya adalah untuk membuka ladang menternak lembu dan kambing terlaksana apabila lahirnya syarikat berkenaan.

Katanya, beliau menyimpan hasrat itu terus dijadikan satu kezamanan satu hari nanti untuk membuka ladang ternakan sendiri, idea yang lahir selepas seronok melihat puluhan ekor kambing dan lembu bergerak bebas di padang ragut di Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Setiap kali perjalanan menaiki bas dari Seremban ke Kuala Lumpur ketika cuti semester, pasti saya akan tumpukan perhatian melihat suasana pemandangan kawasan ternakan di UPM dan menyimpan azam untuk memiliki ladang seumpama itu.

"Sejak kecil pun saya sudah terdedah dengan ternakan kambing dan lembu serta tidak rasa kekok, walaupun dianggap kotor bagi sesetengah orang," katanya.

Beliau berkata, misi syarikatnya juga mahu melahirkan penternak baru berilmu dan berkemahiran dengan teknik penterakan moden dan yakin MJ Fatonah Enterprise mampu menjadi platform ke arah itu.



● Ternakan: Lembu dan kambing

● Lokasi: Kampung Teluk Penyamun, Batang Berjuntai, Selangor.

● Modal: RM370,000

● Pulangan: RM5,000 sebulan

● Khidmat ditawarkan:
Konsep 'Animal Hotel' –
Penternak boleh menghantar lembu dan kambing untuk dibiakkan dan dipelihara di ladang berkenaan (caj RM3.50 sehari bagi lembu, RM1 sehari bagi kambing)

● Pakej latihan turut disediakan
– Enam hari lima malam berharga RM1,100 (teori dan praktikal),
– Tiga hari dua malam RM500 (teori dan praktikal), dan
– Satu hari RM150.